

DALAM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH

NEGERI MELAKA

KES MAL 04500-010-0001-2013

XXXXXXXXXXXXXXXXXXXX

perayu (1)

XXXXXXXXXXXXXXXXXXXX

perayu (2)

Diwakili peguam En.Adli Bin Ithnin drpd tetuan Adli & co.

Dihadapan Y.A Othman bin Ibrahim
Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Kanan

ALASAN PENGHAKIMAN

Peguam perayu-perayu telah mengemukakan rayuan atas alasan berikut:-

1. Yang Arif Tuan Hakim yang bijaksana telah khilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila gagal dan/atau enggan memberi sebarang tumpuan dan /atau pertimbangan dan/atau perhatian kepada tempat tinggal perayu kedua di No.15,Jalan Abadi 15,Tmn.Malim Jaya,Melaka dengan tempat berlakunya pernikahan di Kedai Baru,Narathiwat,Thailand samaada ianya lebih daripada 2 marhalah atau tidak.

2. Y,Arif Tn Hakim yang bijaksana telah khilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila gagal dan /atau enggan memberi sebarang pertimbangan wajar terhadap jarak tempat tinggal bapa kandung perayu kedua yang menetap di Batu 3 ¼ Pasir Puteh, Bachang Melaka dengan tempat pernikahan di Kedai Baru, Thailand,samaada ianya lebih 2 marhalah atau tidak.

3. Y.Arif Tn. Hakim yang bijaksana telah khilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila gagal dan/atau enggan memberi sebarang pertimbangan wajar terhadap pendapat Imam Syafie yang membenarkan menggunakan wali hakim setelah jarak pernikahan berlaku lebih daripada 2 marhalah.

4. Y.Arif Tn Hakim yang bijaksana telah khilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila gagal memberi sebarang pertimbangan wajar terhadap muzakarah jawatankuasa kali 52 iaitu;-

a) Hukum nikah luar Negara termasuk Thailand adalah sah dengan syarat;-

1.Pernikahan itu mengikut rukun nikah.

2.Pernikahan itu melebihi 2 marhalah.

3. Tiada keputusan Mahkamah yang menghalang perempuan itu berkahwin atas alasan syarak ditempat dia bermastautin.

4. Pernikahan itu dilakukan oleh wali Hakim yang telah diiktiraf oleh wilayah Negara berkenaan dan diakad nikahkan di wilayah berkenaan di mana ia ditauliah sebagai wali hakim.

- b) Hukum kahwin lari meninggalkan wali lebih 2 marhalah-muzakarah fatwa telah memutuskan bahawa perkahwinan yang dilakukan oleh jurunikah yang diiktiraf oleh pihak berkuasa bagi pasangan yang berjauhan dari wali lebih 2 marhalah adalah sah menurut mazhab Imam Asyafie.

5. Y.arif Tn Hakim yang bijaksana telah khilaf dari segi fakta dan undang-undang ketika memutuskan kes tidak mempertimbangkan secara serius hadith-hadith yang membenarkan perayu 2 menggunakan wali hakim setelah terbukti jarak tempat pernikahan dengan tempat tinggal perayu telah melebihi 2 marhalah.

Atas alasan-alasan yang telah dikemukakan diatas perayu-perayu memohon kepada Mahkamah agar keputusan Hakim Mahkamah Rendah Syariah Melaka Tengah diketepikan dan rayuan perayu-perayu dibenarkan.

Bagi menjelaskan bidangkuasa rayuan Mahkamah Tinggi seksyen 51(1)(b) iaitu;- Rayuan boleh dibuat kepada Mahkamah Tinggi Syariah daripada apa-apa keputusan sesuatu Mahkamah Rendah Syariah-

- (b) dalam bidang kuasa malnya-
 - (ii) dalam semua kes yang melibatkan apa-apa keputusan mengenai taraf diri,oleh mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan itu;

Tetapi tiada rayuan boleh dibuat terhadap keputusan yang telah dibuat dengan persetujuan,

Berpandukan seksyen diatas amat jelas bahawa Mahkamah Tinggi telah diberikan kuasa untuk mendengar permohonan perayu-perayu didalam kes ini.

Mahkamah akan mengulas isu yang dibangkitkan oleh peguam perayu-perayu iaitu berkenaan dengan wali am yang diberi tauliah oleh pihak berkuasa agama diWilayah Narathiwat dan juga isu 2 marhalah dan dokumen sah yang tidak diterima oeh Hakim bicara.

Walaupun terdapat 5 alasan rayuan yang dikemukakan Mahkamah merangkumkan hanya 3 isu sahaja seperti yang dinyatakan diatas.

Isu pertama berkaitan dengan wali am atau wali Hakim, peguam perayu-perayu telah berhujah iaitu bersandarkan kepada keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan yang telahpun memutuskan bahawa perkahwinan kawin lari yang telah menepati rukun dan syarat sah nikah adalah sah mengikut mazhab Asyafie.

Sepatutnya pada pandangan Mahkamah ini hakim bicara menerima keputusan tersebut secara wajar kerana pihak berkuasa Agama di Malaysia telahpun membuat keputusan yang tepat berpandukan Mazhab Syafie kerana itulah mazhab yang mashur yang menjadi pegangan rakyat Malaysia.

Apa yang ditimbulkan semasa perbicaraan tempoh hari perayu-perayu yang tidak diwakili peguam tidak dapat untuk mengemukakan hujahan tersebut, inilah yang menjadi persoalan penting untuk pihak-pihak membantu Hakim didalam membuat keputusannya.

Bagi menjelaskan lagi pemakaian mazhab di Malaysia telah dinyatakan didalam arahan amalan no.9 tahun 2001 iaitu;-Pengambilan mazhab Mu,tabar hendaklah kepada dasar yang telah ditetapkan oleh Pemerintah bagi negeri yang mengeluarkan “tauliah” kepada Hakim-hakim Syarie.”

Bagi Negeri Melaka tauliah dikeluarkan oleh Agong yang secara nyata juga telah menjadi pegangan majoriti berdasarkan Mazhab Asyfie, adalah menjadi tugas hakim untuk menilai dan membuat keputusan berpandukan Mazhab Asyafie.

Pihak peguam perayu-perayu telah juga merujuk kepada keputusan fatwa kebangsaan berkenaan “keputusan kahwin lari kenegara Thailand dengan syarat dan rukun nikah telah menepati syarak maka dihukumkan perkahwinan itu adalah sah.’

Fatwa yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa Agama di Malaysia adalah pihak yang berotoriti untuk dijadikan tempat sandaran bagi menjawab setiap persoalan berkenaan Agama supaya semua pihak yang terlibat lebih menyakin lebih-lebih lagi tentang kahwin lari yang selalunya menjadi topic yang selalu diperbincangkan. Mahkamah bersetuju dengan pandangan ini walaupun pihak Mahkamah tidak terikat untuk mengguna pakai fatwa itu tetapi atas masalah Agama dan juga pandangan daripada mereka yang berilmu harus diterima untuk kebaikan umat Islam seluruhnya.

Di dalam buku Undang-undang Keluarga Dalam Islam m.s 22 ada menyatakan “Wali-wali itu diatur sedemikian sebagai mana yang tersebut menurut susunan wali iaitu yang lebih dekat perhubungannya didahulukan daripada yang lebih jauh,Maka apabila yang lebih dekat(aqrab) itu ghaib(jauh) daripada perempuan yang akan dinikahkan,sejauh perjalanan qasar dan tidak mempunyai wakil,maka perempuan itu boleh dinikahkan oleh hakim atau qadi kerana wali yang ghaib itu masih tetap wali,belum berpindah kepada wali yang jauh hubungannya.ini adalah pendapat Mazhab Syafie.”

Berdasarkan pandangan diatas amat jelas kepada kita semua bahawa wali jika berada lebih 2 marhalah boleh dinikahkan dengan menggunakan wali hakim ditempat perempuan itu berada dengan syarat wali hakim mestilah yang bertauliah dan diiktiraf ditempat perempuan itu hendak berkahwin.

Mahkamah juga merujuk di dalam Kitab Fiqh Al Islami –karangan Dr.Wahbah juzuk 7 m.s 218

"رأي الشافعية ان غاب الولي الأقرب نسباً إلى مرحلتين أي مسافة القصر ولا وكيل له حاضر في البلد زوج السلطان أو نائبه أي السلطان بلدها لا سلطان غير بلدها ولا الأبعد على الأصح لأن الغائب ولي والتزويج حق له فإذا تعذر استيفاءه منه ناب عنه الحاكم. فان غاب دون مسافة القصر لا يزوج إلا بإذنه في الأصح لقصر المسافة، فيراجع فيحضر أو يوكل كما لو كان مقيماً."

Nas Kitab di atas juga menjelaskan apa yang dijelaskan didalam buku Undang-Undang Keluarga Dalam Islam kerana pandangan Mazhab Syafie telah menjadi pegangan kebanyakan masyarakat disini.

Berdasarkan semua maklumat dan dokumen yang ditunjukkan kepada Mahkamah dan diaksibit adalah menunjukkan bahawa wali hakim tersebut adalah seorang yang disahkan sebagai wali hakim yang diberikan tauliah wali hakim oleh pihak berkuasa agama diwilayah berkenaan.

Peguam perayu telah berhujah bahawa dokumen seperti surat nikah, surat akuan konsulat Malaysia disana dan juga resit rasmi telah ditunjukkan kepada Mahkamah sebagai dokumen yang benar bagi membuktikan bahawa perkahwinan tersebut dijalankan secara sah menurut Hukum Syarak dan tidak wajar dipertikaikan oleh mahkamah.

Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan peguam perayu kerana sudah menjadi tanggungjawab Hakim Syarie menilai semua bukti-bukti sah tentang perkahwinan itu tanpa membuat andaian yang tidak dibangkitkan semasa peerbicaraan kerana tugas seorang Hakim Syarie menilai berdasarkan keterangan yang dikemukakan seperti keterangan lisan dan dokumen yang telah dinyatakan diatas.

Seksyen 63 Enakmen Keterangan Mahkamah Melaka tahun 2002 juga menjelaskan "Bilamana dikemukakan dihadapan mana-mana Mahkamah mana-mana dokumen yang berupa sebagai suatu rekod atau memorandum mengenai keterangan atau mengenai mana-mana bahagian keterangan yang telah diberikan oleh saksi dalam suantu prosiding kehakiman atau dihadapan mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh undang-undang untuk mengambil keterangan itu.....

Seksyen ini juga sewajarnya diteliti oleh hakim bicara kerana semua keterangan yang telahpun diberikan oleh perayu-perayu dan saksi-saksinya adalah keterangan yang membolehkan Mahkamah membuat keputusan terhadap kes itu.

Di dalam seksyen 57 Enakmen yang sama juga menyatakan "Dokumen yang berikut ialah dokumen awam;

(a) dokumen yang mengandungi tindakan atau rekod tindakan-

- (i) kuasa pemerintahan berdaulat;
 - (ii) badan rasmi dan tribunal dan
 - (iii) pegawai awam, perundangan, kehakiman dan eksekutif, sama ada bagi Persekutuan atau Negeri atau bagi Negara asing dan
- (b) rekod awam yang disimpan di Malaysia mengenai dokumen persendirian.

Sekiranya seksyen diatas diteliti sewajarnya Mahkamah menerima dokumen yang telah dimasukkan sebagai eksibit ke Mahkamah yang mana ianya telahpun diberi pengiktirafan oleh undang-undang sebagai dokumen awam yang wajar tidak menimbulkan masalah. Walaupun pada pandangan Mahkamah ini adalah tidak wajar memberi tumpuan kepada dokumen itu sahaja kerana ianya bukanlah perkara pokok yang patut dipertimbangkan kerana yang lebih penting adakah perkahwinan itu mempunyai rukun dan syarat sah yang membolehkan Mahkamah membuat pengesahan terhadap permohonan perayu-perayu.

Hakim bicara sewajarnya menerima semua dokumen awam tersebut sebagai salah satu daripada bahan bukti bagi menyakinkan Mahkamah kerana Mahkamah sepatutnya memberi pengiktirafan kehakiman terhadap dokumen tersebut kerana ianya telahpun disahkan oleh pihak berkuasa wilayah Narathiwat walaupun bukan daripada Malaysia kerana undang-undang telah menyatakan bahawa Mahkamah sewajarnya menerima dokumen tersebut. Mahkamah boleh menolak dokumen itu sekiranya terdapat salah fakta ataupun penipuan apabila Mahkamah menyiasat dengan teliti dokumen yang telah difailkan.

Hakim bicara sepatutnya melihat seksyen berkenaan sebagai sandaran kerana ianya mempunyai kaitan dengan semua dokumen yang telah ditunjukkan kepada Mahkamah semasa perbicaraan yang lalu. Pada pandangan Mahkamah ini Hakim bicara tidak boleh membuat andaian kerana timbul kesamaran kerana yakin adalah perkara yang menjadi prinsip Mahkamah.

Di dalam sebuah Hadith riwayat Abu daud dan Tarmizi Nabi S.A.W ada bersabda

“يُلوَبُ إِلَّا حَائِنًا”

Yang bermaksud”tidak sah nikah, melainkan dengan wali,”

Di dalam sebuah Hadith riwayat Ibnu Majah dan Daruqutni Nabi SAW ada bersabda”

“لَا تَزُوجِ الْمَرْأَةَ وَلَا تَزُوجِ الْمَرْأَةَ نَفْسَهَا”

Yang bermaksud”Janganlah perempuan menikahkan perempuan yang lain dan jangan pula seorang perempuan menikahkan dirinya sendiri.”

Dua hadith diatas telah memberikan panduan kepada kita bahawa seseorang perempuan itu tidak boleh berkahwin dengan seorang lelaki melainkan dengan adanya walinya yang sah. Didalam kes rayuan ini wali sebenar adalah bapa ataupun wali mujbir yang lebih baik menikahkan anaknya dan jika tidak berkemampuan bolehlah mewakili kepada sesiapa yang diyakini boleh mengakadkan nikah anak perempuannya.

Hadith diatas mengingatkan kita bahawa setiap perkahwinan wajib adanya wali jika tidak ada maka tidak sah perkahwinan itu. tetapi kes rayuan ini ada wali tetapi wali hakim yang telah sah sebagai wali hakim dan juga menjadikan perkahwinan itu sah menurut pandangan jumur ulama.

Di dalam rekod rayuan m.s 16 dan 17 Hakim bicara ada merujuk seksyen 2 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Melaka 2002 iaitu makna ,wali raja, ertinya wali yang ditauliahkan oleh Yang diPertuan Agong dalam hal Wilayah Persekutuan K.Lumpur, Labuan dan Putrajaya, Melaka ,P.Pinang, Sabah dan Sarawak atau Raja dalam hal sesuatu Negeri lain untuk mengahwinkan perempuan yang tidak mempunyai wali dari nasab.

Seksyen ini sewajarnya difahami hanya untuk wali bagi wilayah-wilayah yang dinyatakan sahaja tidak terlibat dengan wali hakim Negara lain kerana wali hakim adalah wali khas yang diberi tauliah oleh pihak berkuasa agama negeri berkenaan sahaja dan tidak membabitkan Negara atau negeri lain.

Rujukan Hakim bicara adalah tidak sesuai digunakan kerana terdapat nas-nas yang jelas seperti yang dinyatakan diatas untuk dirujuk sebagai sandaran hukuman ataupun perintah kerana tugas Mahkamah adalah membantu untuk menyelesaikan pertikaian pihak-pihak berdasarkan Hukum syarak bukannya undang-undang sahaja.

Jika dilihat dengan tafsiran undang-undang adalah selari dengan Hukum Syarak kerana Y,A,A Dato, Syeikh Azmi ada menyatakan didalam buku karangannya Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia adalah mengikut Hukum Syarak,

Dijelaskan juga didalam seksyen 13(c) jika pihak perempuan tidak mempunyai wali dari nasab mengikut Hukum Syarak huraian:

Wali Hakim (wali Raja) atau Wali Sultan boleh menjadi wali mengikut Hukum Syarak bagi pihak perempuan yang tidak mempunyai wali nasab dalam 3 keadaan;-

- a) perempuan itu tidak ada wali nasab dari asal lagi iaitu terputus walinya.
- b) walinya berada ditempat yang jaraknya 2 marhalah atau lebih,
- c) wali sendiri yang hendak berkahwin dengan perempuan iaitu sepupunya yang tidak ada wali lain kecuali wali yang hendak berkahwin seorang sahaja walinya.

Seksyen 13(C) diatas juga merujuk kepada nas seperti yang dijelaskan didalam Kitab Raudah at Talibin –juzuk 5,m.s 404,iaitu:-

ثم السلطان يزوج في مواضع:-

أحدها: عدم الولي الخاص
الثاني: عند غيبته
الثالث: عند ارادته تزوجها لنفسه

Berpandukan huraian diatas amat jelas kepada Mahkamah bahawa wali raja atau wali Hakim boleh mengkahwinkan perempuan-perempuan yang tidak ada wali semasa akad nikah itu jika wali jauh daripadanya 2 marhalah atau lebih.

Dua kes yang dirujuk oleh peguam perayu-perayu adalah sandaran terbaik iaitu kes Adibah bt. Mohd.Salleh v Anor v Shareen bt.Azali Syariah Law Report (2012)

Kes berkenaan mempunyai persamaan dari segi faktanya kerana pemohon didalam kes itu juga telah berkahwin diWilayah Songkhla dan menggunakan wali hakim yang mempunyai tauliah dan disahkan oleh pihak berkuasa disana,Hakim bicara telah putuskan bahawa perkahwinan itu adalah sah dan perintah didaftarkan.

Kes Re Sharmyla bte Aziz & Anor Syariah Law Report (2006 m.s 145),Hakim bicara juga telah memutuskan bahawa perkahwinan pemohon dibenarkan atas alasan perkahwinan yang dijalankan di Majlis Agama Wilayah Songkhla tidak memjeaskan kesahihan akad nikah dengan semata-mata dakwaan wali bahawa ia berada dalam lingkungan kurang daripada 2 marhalah,jika kurang 2 marhalah,maka qadhi tidak boleh menikahkan kecuali keuzuran bagi perempuan tersebut untuk sampai ketempat wali itu kerana bimbang akan bahaya dijalanan seperti dibunuh,dipukul atau dirampas hartanya.

Dua kes di atas yang mempunyai fakta yang sama dengan kes rayuan ini,adalah menjadi tanggungjawab Hakim untuk menilai semua fakta dan semua bukti-bukti dokumentar yang dirujuk sebagai bahan bukti untuk menyokong tuntutan tersebut.

Di dalam kes rayuan Hashim bin leman dan Rohaning bte.Puteh kes rayuan mal 04500-010-0004-2012 Mahkamah ini juga telah memutuskan bahawa perkahwinan perayu-perayu dibenarkan atas alasan wali raja telah digunakan kerana wali aqrab telah tinggal lebih daripada 2 marhalah ,mahkamah juga merujuk kepada nas-nas Hukum Syarak yang telah pun dijelaskan diatas dan juga keterangan dokumen yang telahpun disahkan pihak berkuasa konsulat Malaysia diSongkhla bahawa pihak berkuasa Agama Islam Narathiwat ,Thailand telah mengesahkan wali hakim adalah wali yang telah ditauliahkan.

Berdasarkan semua alasan Hukum Syarak dan Undang-Undang serta kes-kes yang dirujukan ,Mahkamah telah berpuashati dan mengeluarkan perintah seperti berikut :-

1. Mahkamah dengan ini mengenepikan semua perintah yang telah dikeluarkan oleh Mahkamah Rendah Melaka Tengah pada 13.September 2012.
2. Mahkamah dengan ini mengesahkan bahawa perkahwinan perayu-perayu adalah sah pada Hukum Syarak dan perintah didaftarkan perkahwinan tersebut.
3. Surat Nikah Wilayah Narathiwat bertarikh 27.5.2015 dibatalkan.

T.t hakim

10.5.2012